

DAKWAH DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA: PELUANG DAN CABARAN

DA'WAH AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY IN MALAYSIA: ITS OPPORTUNITIES AND CHALLENGES

*ⁱAzrina Sobian

ⁱPusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2, Langgak Tunku off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur

*Corresponding Author: e-mail: azrina@ikim.gov.my

ABSTRAK

Dunia kini sedang berhadapan dengan pelbagai masalah alam sekitar dan Malaysia tidak terkecuali. Kerosakkan alam ini berkait rapat dengan nilai manusia terhadap alam. Apabila nilai itu rendah maka alam dianggap sebagai sumber untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia sahaja. Hakikatnya, nilai sebegini bertentangan dengan pandangan hidup Islam dan perlu diubah. Salah satu saluran penting untuk mengubah nilai, sikap dan tingkah laku ialah melalui pendekatan agama. Atas alasan ini, dakwah alam sekitar merupakan salah satu saluran yang boleh digunakan untuk mendidik dan mengubah nilai, sikap dan tingkah laku masyarakat. Walaupun begitu, pendekatan dakwah itu belum menampakkan hasilnya kerana kemusnahan alam masih terus berlaku. Ini menunjukkan wujudnya kelemahan dalam pendekatan dakwah alam sekitar ketika ini. Oleh itu, penulisan ini akan cuba meneroka cabaran-cabaran serta peluang-peluang dalam usaha dakwah alam sekitar di Malaysia. Penulisan ini adalah sebuah penulisan berasaskan tinjauan kepustakaan yang bergantung kepada rujukan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, laporan, makalah umum dan sebagainya. Pada akhirnya, cabaran-cabaran serta peluang-peluang yang ditunjukkan itu boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan alam sekitar masyarakat, terutamanya masyarakat Muslim.

Kata kunci: Dakwah, kemampuan, nilai, Islam, pendidikan.

ABSTRACT

Malaysia, like the rest of the globe, is dealing with a variety of environmental issues. Environmental problems are inextricably linked to human attitudes toward nature. When the value of nature is low, it is viewed solely as a resource to meet human needs and wants. Such attitudes are incompatible with the Islamic way of life and must be changed. Religious approach is one of the most essential conduits for influencing values, attitudes, and behaviours. As a result, environmental dakwah is one of the routes through which society's values, attitudes, and behaviours can be changed. However, while environmental

degradation continues, the dakwah technique has yet to yield results. This demonstrates that the current approach to environmental dakwah has its own flaws. Thus, this study will attempt to investigate the challenges and opportunities (prospects) of Malaysia's environmental dakwah activities. This work is based on a literature review and depends on secondary sources such as books, journals, papers, reports, general papers, and more. Finally, the problems and opportunities highlighted in this study could be utilised as a guide to promote community's knowledge and environmental participation, particularly among Muslim populations.

Keyword: *Dakwah, sustainability, values, Islam, education*

PENGENALAN

Dunia kini sedang berhadapan dengan pelbagai masalah alam sekitar, sama ada yang bersifat tempatan mahupun masalah alam sekitar merentas sempadan. Antara masalah alam sekitar yang paling ketara dibincangkan ketika ini ialah perubahan iklim, kemerosotan kualiti air, udara dan tanah, kehilangan sumber hutan serta penjejasan kepelbagaian biologi dan banyak lagi. Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali dan berhadapan pelbagai masalah alam sekitar, antaranya pencemaran udara, air serta penjanaan sisa (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021: 4-5). Malah, kejadian banjir di kawasan Lembah Klang baru-baru ini juga merupakan satu petunjuk kepada tekanan alam sekitar yang dihadapi negara di mana ia berkaitan dengan masalah degradasi hutan dan hakisan tanah, pengurusan lembangan sungai yang lemah, pembangunan fizikal yang pesat serta perancangan kawasan bandar yang lemah.

Jika disoroti punca permasalahan alam sekitar ketika ini maka tidak dapat diabaikan perbincangan berkaitan peranan manusia. Ini kerana, sumber alam diperlukan untuk memenuhi keperluan manusia. Tanpa sumber tersebut, manusia tidak mungkin boleh hidup. Bukan sekadar memenuhi keperluan, manusia kemudiannya memerlukan sumber untuk memenuhi kehendak hidupnya pula. Dalam hal ini, kehendak manusia tiada batasnya dan oleh itu, penggunaan sumber alam secara berlebihan tidak dapat disekat lagi. Bukan itu sahaja, daripada penggunaan tersebut, manusia kemudiannya menghasilkan sisa yang juga dikembalikan semula ke alam ini. Sisa-sisa ini pula, ada yang bersifat tidak alami, dan memerlukan masa yang panjang untuk dilupuskan oleh alam ini. Contohnya, beg dan pembungkus plastik mungkin digunakan dalam masa beberapa minit sahaja tetapi kekal dalam alam ini untuk ratusan tahun (Parker, 2019). Akhirnya, alam terus terbeban dengan

kehilangan sumbernya pada kadar yang terlalu cepat dan terpaksa menanggung sisa-sisa yang terhasil daripada penggunaan manusia.

Oleh itu, mendidik masyarakat tentang peri pentingnya kelestarian alam sekitar perlu dilakukan dalam pelbagai saluran. Oleh kerana usaha pemuliharaan alam sekitar perlu bersifat holistik maka pendekatan agama atau dakwah juga perlu diteroka dan dilaksanakan dengan segera.

PERNYATAAN MASALAH

Pendekatan agama atau dakwah dalam menangani isu alam sekitar di Malaysia sebenarnya bukanlah sesuatu yang asing. Usaha ini telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak sama ada di universiti-universiti tempatan mahupun institusi-institusi agama di Malaysia. Walau bagaimanapun, sehingga kini usaha tersebut belum menampakkan hasil yang tuntas. Pelbagai masalah alam sekitar masih terus berlaku dan belum pasti ada titik noktahnya.

Menurut Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dalam sebuah wawancara bersama akhbar Berita Harian (2021), kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia telah wujud tetapi tahap amalan yang berkesan masih belum dapat dicapai. Ini menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar di negara ini telah sedia ada tetapi amalan masyarakat dalam usaha-usaha memulihara alam sekitar masih rendah. Ini juga boleh dirujuk kepada amalan kitar semula di Malaysia. Kadar kitar semula di Malaysia pada 2021 adalah 30.5 peratus dan jumlah ini meningkat dengan baiknya berbanding 2013 iaitu 10.5 peratus (Noor Atiqah, 2021). Walaupun tidak terdapat data yang menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat Muslim, namun data yang ditunjukkan ini boleh memberi sedikit gambaran tentang kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Walaupun kadar kitar semula bagi Malaysia adalah baik namun jika dibandingkan dengan negara lain, kadar kitar semula itu boleh dikatakan berada pada tahap sederhana sahaja. Negara-negara dengan kadar kitar semula yang tinggi ialah German (65 peratus), Korea Selatan (59 peratus), Slovenia dan Austria (58 peratus) serta Belgium (55 peratus) (McCarthy, 2016). Kadar yang ditunjukkan di sini adalah kadar pada tahun 2013 dan dipercayai kadar kitar semula semasa (ketika ini) adalah lebih tinggi berbanding 2013.

Sumbangan Malaysia dalam pelepasan gas Karbon Dioksida (CO₂) dunia juga tidak wajar dipandang rendah. Pada 2020, Malaysia menduduki tangga ke-22 dalam pelepasan CO₂ iaitu sebanyak 273 juta tan (Statista, 2020a). Kedudukan ini amat jauh jika dibandingkan dengan negara China yang merupakan negara paling banyak membebaskan CO₂ di dunia masa kini iaitu sebanyak 10, 608 juta tan. Walaupun begitu, dari segi pelepasan CO₂ per kapita, sumbangan per kapita Malaysia melebihi China. Pelepasan CO₂ per kapita di China adalah sebanyak 7.41 tan manakala Malaysia sebanyak 8.42 tan (Statista, 2020b). Ini menunjukkan bahawa, walaupun jumlah pelepasan CO₂ Malaysia amat jauh berbanding China namun dari segi pelepasan CO₂ per kapita Malaysia mengatasi China. Ini juga bermakna, seorang rakyat Malaysia membebaskan lebih banyak CO₂ berbanding seorang rakyat negara China.

Apa yang ditunjukkan di sini merupakan sebahagian kecil bukti kesedaran dan amalan masyarakat Malaysia dalam usaha memulihara alam sekitar. Walaupun Malaysia tidaklah berada pada tahap tercorot namun kesedaran dan amalan alam sekitar perlu ditingkatkan. Seperti yang disebutkan di atas, perubahan dalam kalangan masyarakat boleh dilakukan melalui pendekatan dakwah Islami. Walaupun usaha ini telah wujud namun ia perlu diperbaiki dan dilakukan secara strategik. Oleh kerana itu, makalah ini ditulis untuk menjelaskan cabaran-cabaran usaha dakwah ke arah kelestarian alam sekitar dan seterusnya membentangkan peluang-peluang yang boleh membuka ruang agar usaha dakwah kelestarian tersebut dapat dijayakan sebaik mungkin.

METODOLOGI

Makalah ini merupakan satu penulisan berteraskan tinjauan kepustakaan dan bergantung kepada rujukan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, laporan, makalah umum dan sebagainya. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada bahan-bahan sekunder ini kemudiannya dinilai, disusun dan dibentangkan dalam penulisan ini bagi menunjukkan peluang-peluang dan cabaran-cabaran dalam usaha dakwah bagi mencapai kelestarian alam sekitar sesuai dengan pandangan hidup Islam. Penulisan ini juga merujuk kepada sumber al-Quran dan hadis. Dengan itu, ayat-ayat al-Quran serta hadis-hadis yang dirujuk adalah daripada sumber yang diyakini.

PEMAHAMAN KONSEP

Perbincangan tentang kelestarian alam sekitar secara asasnya berkait dengan dua elemen penting iaitu manusia dan persekitarannya. Bagi elemen manusia, ia melibatkan segala kegiatan atau tingkah laku manusia dalam alam ini. Kegiatan manusia yang paling utama dan kritikal dalam konteks kelestarian alam sekitar adalah kegiatan ekonomi kerana kegiatan ekonomi tersebut melambangkan kegiatan-kegiatan manusia yang dilakukan untuk memenuhi keperluan dan kehendak hidupnya. Dengan itu, gabungan manusia, alam dan kegiatan ekonominya menjadi elemen penting dalam memahami maksud kelestarian alam sekitar.

Morelli (2011:6) mentakrifkan kelestarian alam sekitar sebagai memenuhi keperluan sumber dan perkhidmatan generasi semasa dan akan datang tanpa menjejaskan kesihatan ekosistem yang menyediakannya atau secara spesifiknya, kelestarian alam sekitar satu keadaan yang seimbang, berdaya tahan dan kesalinghubungan yang membolehkan masyarakat (manusia) memenuhi keperluannya dengan tidak melebihi kapasiti ekosistem sokongannya untuk terus menjana semula perkhidmatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan tersebut mahupun melalui pelbagai tindakan manusia yang telah mengurangkan kepelbagaian biologi (mutu alam sekitar).

Sutton (2004:1 & 11) pula memberikan takrifan mudah berkaitan kelestarian alam sekitar iaitu “keupayaan untuk mengekalkan perkara atau kualiti yang dihargai dalam persekitaran fizikal” dan dalam konteks ini, persekitaran fizikal merangkumi semua perkara yang berada dipersekitaran manusia termasuklah yang bersifat semula jadi (tanah, air, udara dan sebagainya) serta yang bersifat buatan manusia (bangunan, jalan raya dan sebagainya).

Berdasarkan takrifan kelestarian alam sekitar yang disebutkan di atas jelas bahawa konsep tersebut memberi tumpuan kepada memastikan sumber alam ini dapat dikekalkan. Walaupun takrifan Morelli (2011) menegaskan bahawa sumber alam perlu dikekalkan untuk kepentingan manusia kini dan pada masa akan datang, namun harus ditegaskan di sini bahawa pengekaln sumber alam ini bukanlah hanya untuk kepentingan manusia tetapi juga untuk kepentingan semua makhluk Allah SWT di muka bumi ini dan paling penting ia perlu dikekalkan kerana alam serta sumbernya adalah ciptaan Allah SWT dan mempunyai hak untuk hidup.

Kelestarian alam sekitar penting untuk mendukung pembangunan lestari yang menjadi agenda penting pelbagai negara ketika ini. Sepertimana yang diketahui, pembangunan lestari juga merangkumi tiga aspek penting iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi. Ketiga-tiga elemen ini harus digerakkan secara bersama malah kelestarian alam sekitar lebih kritikal kerana ia mendukung mana-mana pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara (Morelli, 2011:4). Oleh itu, kelestarian alam sekitar perlu dicapai dengan segera kerana lebih lama ia ditangguhkan, lebih banyak sumber alam akan terjejas dan ini tidak membantu usaha mencapai pembangunan lestari (Goodland, 1995:14).

Kelestarian alam sekitar yang diketengahkan di atas merupakan konsep kelestarian yang ditunjangi oleh pandangan alam Barat. Dalam konteks ini, pendekatan Islami tentulah berbeza dengan apa difahami oleh pengkaji Barat. Dalam pandangan alam Islam, dasar yang mendukung kelestarian alam terletak kepada komponen manusia. Dengan kata lain, kelestarian alam hanya dapat dijayakan jika unsur makhluk atau manusianya mempunyai pemikiran, sikap dan tingkah laku yang lestari. Ini kerana, manusia menjadi tunjang yang akan menentukan nasib alam ini kerana manusia telah dipilih sebagai khalifah Allah SWT (Saleh dan Amalina, 2020: 85).

Menurut al-Jayyousi (2012:15), kelestarian di bawah pendekatan Islami didukung oleh empat asas penting iaitu kebijaksanaan (hikmah), keadilan, kepentingan awam (masalah) dan inovasi (ijtihad). Kesimpulan daripada penulisan al-Jayyousi menunjukkan bahawa isu-isu berkaitan kelestarian mempunyai elemen kerumitan moral, etika, sosial, politik dan ekonomi, maka pendekatan Islami merupakan jalan yang sesuai untuk mengatasi semua masalah tersebut. Oleh itu, pendekatan Islami seharusnya menjadi satu pendekatan yang perlu diteroka untuk mencapai kelestarian terutamanya kelestarian alam sekitar.

Oleh kerana, kelestarian alam bergantung kepada aspek insaniah atau manusia, maka pendekatan Islami bagi mencapai kelestarian alam sekitar perlu menangani elemen manusia itu sendiri. Dengan kata lain, kelestarian alam hanya boleh dicapai jika masyarakat Muslim mempunyai tahap kesedaran, pengetahuan, sikap serta tingkah laku yang lestari. Semua aspek ini pula hanya boleh dilakukan melalui pendidikan. Dalam konteks ini, pendidikan yang menyulami aspek kelestarian dan pandangan alam Islami merupakan satu pendekatan yang terbaik. Matlamat pendidikan ini adalah untuk membawa masyarakat Muslim memahami tuntutan Islami dalam usaha melestarikan alam sekitar. Oleh itu, usaha ini juga boleh

dianggap sebagai satu bentuk dakwah atau dalam konteks perbincangan kertas kerja ini, dakwah ke arah kelestarian alam sekitar.

Namun, apakah yang dimaksudkan dengan dakwah itu sendiri? Berdasarkan Syahrul, Azizah dan Solahuddin (2006:3), yang mengutip makna dakwah daripada beberapa pengkaji lain seperti Dr. Muslih al-Bayumi (1976), Zaidan (1978), al-Qaradhawi (1983) dan al-Ghazali (1985), dakwah merangkumi usaha memberi kefahaman berkaitan ilmu agama dan dunia sekadar yang kuasa atau ilmu yang dimiliki oleh para alim ulama. Ia juga merupakan satu panggilan ke jalan Allah SWT atau dengan kata lain, menuju ke jalan Islam. Malah, dakwah juga merupakan satu usaha untuk menarik masyarakat kepada agama Islam iaitu dengan mengikut petunjuk dan melaksanakan segala perintah Allah SWT. Malah, dakwah juga dianggap sebagai satu usaha yang lengkap berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi mencapai tujuan dan matlamat hidupnya. Ini bermakna, dakwah merupakan satu usaha untuk membawa seseorang individu mengikut jalan yang diredai Allah SWT.

Dalam konteks ini, ilmu yang menjadi keutamaan tentulah ilmu-ilmu agama (akidah, syariah, fikah dan sebagainya), namun dalam masa yang sama ia tidak juga mengabaikan ilmu-ilmu lain termasuklah berkaitan kelestarian alam sekitar. Dengan itu, dakwah berkaitan kelestarian alam sekitar bukanlah sesuatu yang terpisah dengan pandangan hidup Islami malah seharusnya ia berjalan secara selari dan bermatlamat untuk menjadikan umat Islam sebagai umat yang taat kepada perintah Allah SWT dan dalam masa yang sama menjaga alam demi kelangsungan diri dan persekitarannya.

Kepentingan Agama dalam Isu Kelestarian Alam Sekitar

Apakah kepentingan agama dalam usaha melestarikan alam sekitar? Kepentingan agama ini boleh dilihat melalui beberapa kenyataan. Misalnya, Al-Gore menyebut bahawa agama adalah sumber panduan atau sumber bimbingan etika paling berkuasa dalam peradaban kini.” (Posas, 2007). Rozita (2002: 141) pula menyatakan bahawa agama mempunyai peranan dalam membentuk pengetahuan, sikap dan kelakuan yang baik terhadap alam sekitar dan dengan itu, wajarlah agama digunakan dalam memantapkan literasi alam sekitar dalam kalangan masyarakat. Bhagwat, Ormsby dan Rutte (2011:40-41) pula memberikan penjelasan lebih lanjut tentang kepentingan agama dalam pemulihan krisis alam sekitar. Beliau menyenaraikan dengan lengkap pandangan pelbagai pengkaji tentang kepentingan agama

dalam pemuliharaan alam sekitar dan dari sini kesimpulan boleh dicapai bahawa agama menyediakan nilai-nilai etika dan moral yang lengkap untuk menjana kesedaran dan penglibatan awam terhadap pemuliharaan alam sekitar. Posas (2007) yang mengkaji penggunaan agama dalam krisis pemanasan global pula melihat empat peranan agama iaitu: (i) fungsi tradisi dan unik dalam masyarakat, (ii) ajaran-ajaran etika, (iii) pengaruh dan “reach” dan, (iv) kemampuan untuk membangkitkan pengikut untuk bertindak. Posas turut menggariskan 14 cara utama di mana agama boleh menyumbang kepada maklum balas etika dalam isu perubahan cuaca.

Menyedari kepentingan agama dalam pemuliharaan dan pelestarian alam sekitar maka penggunaan agama dalam program-program kesedaran dan pendidikan alam sekitar menjadi semakin penting. Terdapat banyak pertubuhan yang telah berjaya menjalankan pelbagai program alam sekitar dengan mengumpulkan pelbagai pemegang taruh termasuklah komuniti agama untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan dalam pemuliharaan alam sekitar. Misalnya, Oxford Committee for Famine Relief (Oxfam), Aga Khan Development Network dan WWF. Malah, World Bank kini giat bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan berasaskan agama untuk mengurangkan kemiskinan dan mempromosikan pemuliharaan alam sekitar di negara-negara membangun (Bhagwat, Ormsby dan Rutte, 2011: 40).

Khusus kepada komuniti Islam, penglibatan mereka dalam program pemuliharaan alam sekitar sememangnya amat wajar. Ini kerana, permasalahan alam sekitar kini juga boleh dikaitkan dengan komuniti agama ini. Sebahagian besar daripada masyarakat Islam kini hidup di negara-negara yang dikategorikan sebagai negara-negara membangun dan miskin, namun negara-negara itu amat kaya dengan sumber semula jadi (Mangunjaya, 2011: 39). Dalam konteks ini, tekanan untuk menjadi negara maju menyebabkan pembangunan menjadi keutamaan berbanding pemuliharaan alam sekitar. Manakala bagi negara-negara miskin pula, kemiskinan dan hutang negara yang besar menyebabkan berlakunya penghakisan sumber alam secara intensif demi untuk membayar hutang negara mahupun sekadar untuk kelangsungan hidup rakyatnya. Ini menyebabkan tekanan yang amat besar terhadap sumber-sumber semula jadi negara-negara itu. Oleh itu, kemungkinan melaksanakan program agama dalam usaha meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam dalam isu-isu berkaitan alam sekitar amatlah wajar diteroka.

Inisiatif melibatkan agama dalam program-program kesedaran dan pemuliharaan alam sekitar pula bukanlah sesuatu yang asing di dunia Islam. Walaupun tahap kejayaan yang ditunjukkan oleh sesuatu program itu berbeza-beza, namun ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengetahuan budaya tempatan kini menjadi semakin penting dalam usaha kelestarian alam sekitar. Pengabaian pengetahuan tempatan ini berkemungkinan besar menyebabkan hasil sesuatu program kesedaran dan pemuliharaan itu tidak menyeluruh. Malah, kepentingan melibatkan pengetahuan tempatan merupakan satu keperluan utama dalam mana-mana program pendidikan alam sekitar terutamanya pendidikan alam sekitar tidak formal (Unesco, 1999: 11). Di Indonesia, kejayaan penglibatan agama boleh dilihat melalui projek INFORM (Indonesia Forest and Media Campaign). Di bawah projek ini, 31 pasantren ulama telah terlibat dalam projek perlindungan hutan di Sumatra dan Kalimantan ini (Mangunjaya, 2011: 41). Dalam konteks Malaysia, penglibatan masyarakat Muslim dalam program kesedaran dan pemuliharaan alam sekitar semakin relevan. Salah satu program yang melibatkan ketua agama dalam isu alam sekitar adalah di bawah WWF Malaysia di mana para imam terlibat dalam program pemuliharaan penyu di Terengganu dan pemuliharaan Harimau di Perak (Azrina, 2012b).

Daripada penjelasan di atas jelas bahawa pendekatan agama adalah penting dan merupakan sebahagian daripada pendekatan holistik untuk mencapai kelestarian alam sekitar. Ini bermakna selain pendekatan saintifik, ekonomi, sosial, politik, kerjasama antarabangsa dan pendidikan, pendekatan agama wajar diteroka dalam usaha pemuliharaan alam sekitar terutama dalam konteks mengubah pemikiran, sikap dan tingkah laku masyarakat.

Cabaran-cabaran Dakwah Kelestarian Alam Sekitar

Bagi menjayakan dakwah kelestarian alam sekitar pastinya terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi bagi memastikan usaha ini dapat dijalankan dengan jayanya. Salah satu cabarannya adalah daripada kefahaman dan tahap pengetahuan masyarakat dalam isu ini. Dalam konteks ini, kefahaman yang dimaksudkan adalah kefahaman berkaitan kelestarian alam sekitar, isu-isu sains yang mendasari pemuliharaan alam sekitar serta hubungkait isu tersebut dengan agama. Hitzhusen (2006: 11-12), yang mengkaji tentang pendidikan alam sekitar dan agama, menyebut tiga cabaran. Cabaran-cabaran ini juga boleh dikaitkan dalam konteks dakwah kelestarian. Cabaran pertama adalah ketidakpastian tentang cara terbaik untuk menintegrasikan agama dalam mendidik masyarakat tentang alam sekitar kerana tiada pengetahuan. Bagi pendakwah Muslim, pengetahuan agama yang mereka miliki

sememangnya mudah diintegrasikan dalam mendidik masyarakat tentang alam sekitar namun sejauh mana pengetahuan mereka tentang alam sekitar akan memberi kesan kepada kebolehan mereka mengintegrasikan kedua-dua bentuk pengetahuan tersebut.

Cabaran kedua adalah untuk mengelakkan kontroversi dalam proses mengintegrasikan agama sebagai sumber ilmu dalam mendidik tentang kelestarian alam sekitar. Dalam hal ini, komuniti agama mempunyai kelebihan kerana pengetahuan agama yang mereka miliki sewajarnya membolehkan mereka menjelaskan kontroversi yang mungkin sebenarnya bukan satu kontroversi sebenar (kontroversi palsu). Contoh kontroversi yang dimaksudkan adalah sama ada agama sebagai pelindung atau penyebab kepada masalah alam sekitar. Ini bertitik tolak daripada pandangan Lynn White Jr. yang menyebut bahawa agama telah memainkan peranan yang besar dalam pelbagai masalah alam sekitar masa kini. Masalah ini berpunca daripada doktrin agama Judeo-Kristian yang memberi kuasa (dominasi) manusia terhadap Bumi dan semua makhluk lain yang lebih rendah martabatnya dalam alam ini (Derr, 1975: 39). Walaupun pandangan White itu merujuk khusus kepada agama Kristian, namun secara tidak langsung, pandangan ini hampir merumuskan bahawa agama-agama lain juga menganjurkan permusuhan dengan alam sekitar. Jika tidak pun ia telah menimbulkan persepsi bahawa agama memainkan peranan dalam peningkatan masalah alam sekitar kini. Namun pandangan White ini ditentang hebat oleh pengkaji-pengkaji agama Islam yang telah menunjukkan bahawa prinsip-prinsip ajaran Islam bersifat mesra alam (Azrina, 2012a: 66-69).

Cabaran ketiga adalah tentang persepsi bahawa agama adalah subjektif dan ini bertentangan dengan sifat sains yang bersifat objektif. Sepertimana yang disebutkan di atas, bidang kelestarian alam sekitar turut melibatkan ilmu sains. Sains merupakan satu bidang yang mengukur sesuatu yang boleh diukur manakala tidak semua yang disebutkan dalam ilmu agama boleh diukur. Perbezaan ini menyebabkan kedua-dua bidang ini dianggap sebagai tidak serasi. Walau bagaimanapun, pada pandangan penulis, bagi komuniti agama Islam, ini bukanlah satu masalah yang besar kerana hubungan sains dan agama telah lama diiktiraf sebagai serasi. Oleh itu isu pertentangan tidak wujud. Cuma persoalannya adakah ketidakwujudan pertentangan ini difahami oleh para pendakwah? Para pendakwah yang menyentuh isu kelestarian alam sekitar seharusnya memahami isu ini dan mestilah mampu menjelaskannya kepada masyarakat.

Cabaran lain adalah penglibatan golongan beragama dalam isu kelestarian alam sekitar. Menurut Bhagwat (2011), walaupun agama mempunyai nilai dan etika tentang hubungan manusia dengan alam sekitar serta penjagaan alam sekitar, namun ini tidak semestinya diterjemah dengan baik dalam tindak-tanduk kumpulan agama itu. Ini jelas merujuk kepada tahap penglibatan kumpulan agama dalam menangani isu-isu alam sekitar. Dalam hal ini, walaupun mempunyai kesedaran dan kefahaman, namun penglibatan mereka dalam isu alam sekitar setempat boleh dipersoalkan. Adakah kemungkinan hal ini boleh dikaitkan dengan kegagalan mereka melihat isu tersebut relevan dengan prinsip agama itu sendiri atau mereka gagal melihat sumbangan yang mereka boleh tawarkan dalam menyelesaikan isu tersebut?

Ini seterusnya berkait dengan persepsi masyarakat yang melihat isu kelestarian alam sekitar sebagai isu yang tidak berkait dengan agama. Perkara ini boleh dijelaskan dengan membuat pemerhatian terhadap aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid mahupun surau di Malaysia. Isu alam sekitar jarang sekali disentuh atau dibahaskan dalam mana-mana aktiviti di masjid atau surau, misalnya dalam ceramah, forum dan sebagainya. Menurut Ugi Suharto (Azrina, 2020a:100-101), topik-topik seperti fikah, isu hukum-hakam, kelas al-Quran, tajwid, tafsir, hadis, sirah, kisah-kisah tauladan, akidah, tasawwuf dan isu semasa menjadi pilihan untuk dibincangkan di masjid atau surau berbanding isu-isu sains dan dalam hal ini termasuklah juga isu berkaitan kelestarian alam sekitar. Beliau menegaskan bahawa ilmu-ilmu tersebut, yang bersifat fardu 'ain sememangnya penting, namun ilmu sains (yang berkait juga dengan kelestarian alam sekitar), juga merupakan salah satu ilmu dalam Islam, penting dan perlu juga menjadi topik perbincangan dalam pelbagai aktiviti masyarakat Muslim.

Peluang-peluang Dakwah untuk Kelestarian Alam Sekitar

Dalam konteks Malaysia, terdapat peluang yang besar untuk menyampaikan panduan dan saranan Islami berkaitan pengurangan sisa makanan. Ini boleh dilakukan secara tidak formal melalui pelbagai institusi Islami misalnya masjid, surau atau sekolah agama. Di seluruh Malaysia, terdapat 6514 buah masjid dan 17,210 buah surau (JAKIM, 2021). Manakala bagi sekolah pula, terdapat 283 sekolah agama dengan pelajar seramai 123,707 orang pelajar (KPM, 2021). Jumlah ini hanya melibatkan sekolah agama dan pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Jika diambilkira sekolah agama dan pelajar peringkat kerajaan negeri mahupun swasta, jumlah yang lebih tinggi akan diperolehi.

Satu impak yang baik boleh dijangkakan jika semua masjid, surau dan sekolah dapat digerakkan untuk mendidik masyarakat menghargai alam sekitar dengan syarat usaha itu dirancang dengan teliti, dilaksanakan secara berterusan dan digerakkan secara bersama serta teratur. Sebagai contoh, dalam isu pembaziran makanan, antara perkara yang boleh dilakukan adalah mengadakan ceramah berkaitan isu peningkatan sisa makanan, mewujudkan pusat pengumpulan sisa makanan dan seterusnya menjalankan aktiviti pengomposan sisa makanan. Baja kompos yang terhasil boleh dijual atau dikongsi dengan masyarakat setempat.

Selain itu, di Malaysia juga terdapat pelbagai institusi agama di bawah kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri serta NGO berasaskan agama Islam. Jika ke semua institusi ini dapat digerakkan untuk menjayakan dakwah kelestarian alam sekitar maka impak yang besar boleh dijangkakan. Walaupun ketika ini, beberapa institusi agama ini ada yang telah mula menerokai isu kelestarian alam sekitar, namun ia tidak menyeluruh, tidak dijalankan secara strategik, terpisah antara satu sama lain dan kadang kala bersifat “ikut musim.” Misalnya, pada Ramadan 2019, JAKIM dengan kerjasama pelbagai agensi agama peringkat persekutuan seperti YADIM, IKIM dan sebagainya, menjalankan program “Marhaban ya Ramadan” untuk menangani isu pembaziran makanan di bulan Ramadan (IKIM, 2019). Manakala, beberapa agensi Islam juga mewujudkan bank makanan, misalnya YADIM dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), di mana usaha ini sebahagiannya untuk menangani masalah pembaziran makanan dan seterusnya digunakan untuk membantu ahli masyarakat yang memerlukan.

Selain itu, di Malaysia juga terdapat beberapa saluran media elektronik Islami yang memberi fokus kepada pelbagai isu berkaitan Islam dan masyarakat Islam. Sebagai contoh, Radio IKIM, TV al-Hijrah, Zayan dan sebagainya. Semua saluran ini sewajarnya digembleng untuk menjayakan dakwah kelestarian alam sekitar. Ketika ini telah ada usaha-usaha yang dilaksanakan namun ia perlu dilakukan dengan lebih kerap serta strategik dan melibatkan kerjasama pelbagai pihak. Bukan sahaja media elektronik, media cetak dan media baharu juga boleh digerakkan ke arah yang sama iaitu melaksanakan dakwah kelestarian alam sekitar.

Pelaksanaan Dakwah Kelestarian Alam Sekitar

Bagaimanakah dakwah untuk melestarikan alam ini boleh dilaksanakan? Dalam hal ini, apakah asas yang akan mendasari sesebuah dakwah untuk kelestarian alam? Secara amnya, dakwah kelestarian alam perlu didasari oleh dua sumber penting dalam Islam iaitu al-Quran

dan Hadis. Kedua-dua sumber ini sarat dengan ilmu pengetahuan yang menyokong kelestarian alam sekitar atau dengan kata lain menyokong usaha-usaha memulihara alam sekitar. Dalam al-Quran, terdapat ayat-ayat yang menyebut tentang pelbagai jenis sumber alam serta kepentingannya misalnya tentang air (surah al-Baqarah, 2:74; surah al-Hajj, --:63), kepentingan tumbuh-tumbuhan (surah Asy-Syu'araa, 26:7; surah an-Nahl, 16:11), gunung-gunung (surah An-Anbiya, 21:31; surah an-Naba', 78:6-7), angin (surah al-Hijr, 15:22; surah Fathir, 35:9), haiwan (surah an-Nahl, 16:8; surah Naml, 27:18) serta banyak lagi.

Selain itu, dalam al-Quran juga terdapat pelbagai konsep penting yang jika difahami dengan baik akan menjurus kepada pembentukan insan yang mementingkan kelestarian alam ini. Misalnya, konsep tauhid yang disebut dalam surah al-Hadid (57:2-3) yang bermaksud: *“Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; Ia menghidupkan dan mematikan; dan Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”* Ayat ini mendidik kita tentang keesaan Allah SWT dan menunjukkan bahawa hanya Dia-lah yang menciptakan semua makhluk di muka bumi ini dan tidak sewajarnya manusia merosakkan ciptaan Allah SWT itu. Konsep khalifah (surah al-Baqarah, 2:30) pula menunjukkan peranan manusia untuk menjaga dan menguruskan alam ini. Manakala konsep amanah pula menunjukkan bahawa tanggungjawab penjagaan alam sebagai satu amanah Allah SWT kepada manusia yang perlu dilaksanakan dengan baik dan teliti. Bukan itu sahaja, konsep lain seperti adil (surah an-Nahl, 16:90) yang menunjukkan bahawa setiap ciptaan Allah SWT mempunyai hak untuk hidup di muka bumi ini dan manusia perlulah melaksanakan keadilan tersebut dengan memberi hak kepada makhluk lain di bumi ini. Akhir sekali konsep mizan (surah al-Rahman, 55:3-10) bahawa alam yang tercipta ini berada dalam keseimbangan dan keseimbangan ini perlu dipelihara bagi mengelakkan kemusnahan alam ini (Abdul Matin, 2010:5-12). Konsep-konsep penting yang mendidik ke arah kelestarian alam ini tidak terhad kepada yang disebutkan di sini tetapi terdapat banyak lagi konsep yang boleh diteroka dan diambil pengajaran dalam melaksanakan tanggungjawab melestarikan alam ini.

Manakala, dalam hadis Rasulullah SAW juga terdapat banyak pengajaran yang boleh dipelajari dalam usaha melestarikan alam sekitar misalnya hadis tentang larangan mencemarkan air (hadis 7), larangan membazirkan air (hadis 9), kitar semula (hadis 17), mengawal pencemaran udara (hadis 18), kebersihan makanan dan minuman (hadis 39) dan sebagainya (rujuk Zaini dan Zulkifli, 2020: 95, 123, 239, 255 dan 533). Hadis-hadis yang

disebutkan di sini merupakan sebahagian kecil daripada tauladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tentang kepentingan alam serta sumbernya dan sikap serta tingkah laku yang harus ditunjukkan oleh manusia dalam hubungannya dengan alam ini. Sebagai contoh, hadis berkaitan larangan mencemarkan air, yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW, sabdanya: “*Janganlah seseorang kamu kencing di dalam air yang tidak mengalir, kemudian mandi daripadanya.*” Larangan ini penting kerana air yang tercemar sebegini sebenarnya boleh mengundang penyakit. Banyak lagi yang boleh dipelajari jika hadis-hadis di atas dikaji dengan teliti. Secara umumnya, melalui al-Quran dan Hadis ini, dakwah kelestarian seharusnya mendidik masyarakat untuk memahami fungsi manusia, menjauhi kerosakan (fasad), menyeru, mengajak dan membimbing masyarakat ke arah kebaikan, melindungi lima prinsip Maqasid al-Syariah serta menegakkan nilai-nilai murni (Asep Muhyiddin, 2010: 810-812).

Sumber al-Quran dan Hadis menjadi isi kandungan utama dalam dakwah kelestarian alam sekitar. Sepertimana yang disebut oleh Asep Muhyiddin (2010: 810) bahawa dakwah alam sekitar berwawasan Qurani, yang boleh dilaksanakan melalui kaedah istinbath, perlu dikaji demi memperkaya khazanah teoris dakwah berwawasan alam. Ini bermakna, lebih banyak penerokaan ayat-ayat al-Quran (dan hadis) diperlukan demi menyokong dakwah alam sekitar atau kelestarian ini. Hasil pengkajian boleh disampaikan kepada masyarakat agar ilmu tersebut memberikan kesedaran tentang pentingnya kelestarian alam sekitar. Namun, ilmu pengetahuan itu bukan sahaja daripada al-Quran dan Hadis, malah perlu diteroka dengan lebih luas melalui pandangan ilmuwan-ilmuwan terdahulu serta berdasarkan sejarah Islam itu sendiri. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa aspek pemuliharaan alam sekitar adalah satu tuntutan dalam Islam.

Selain sumber atau intipati dakwah kelestarian, satu aspek yang juga perlu diberi perhatian adalah pelaksanaan dakwah itu sendiri. Ia sebenarnya boleh dilaksanakan secara formal mahupun informal. Menurut Pudis, Tagi dan Periasamy (2003:1), kedua-dua pendidikan formal dan informal diperlukan untuk mengubah sikap orang ramai supaya mereka mempunyai kapasiti untuk menilai dan menangani pembangunan lestari. Dakwah secara formal boleh sahaja meliputi serapan input kelestarian alam sekitar Islami dalam mana-mana subjek sama ada di sekolah berasaskan agama Islam mahupun sekolah konvensional. Manakala, dakwah secara informal menyasarkan masyarakat umum yang boleh dilaksanakan di mana-mana institusi Islami yang ada di Malaysia. Walaupun wujudnya

dua bentuk saluran dakwah ini, namun dakwah melalui saluran informal perlu diberikan keutamaan kerana di sinilah aspek pembelajaran secara santai serta “hands-on” boleh dilakukan dan semestinya boleh melibatkan pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran misalnya dengan menggunakan alat bantu mengajar yang menarik atau melalui kegiatan penerokaan alam sekeliling seperti lawatan tapak atau lapangan.

Seperkara lagi, dalam usaha dakwah alam sekitar ini, adalah baik jika para pendakwah dapat melakukan tugas dakwah kelestarian alam sekitar ini atau dengan kata-kata lain dapat menangani aspek agama dan juga kelestarian (yang mungkin juga bersandarkan kepada ilmu sains). Namun, jika ini tidak dapat dilakukan maka kerjasama para pendakwah dengan ilmuwan dalam pelbagai bidang, khususnya bidang yang melibatkan kelestarian alam sekitar boleh dilakukan. Menurut Bensaid (2013: 54), dakwah Islamiah perlu melibatkan kepakaran pelbagai pihak yang juga merangkumi kepelbagaian dari segi profesion, organisasi, budaya dan agama. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak penting dalam usaha dakwah kelestarian.

KESIMPULAN

Makalah ini telah menunjukkan cabaran-cabaran serta peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan dalam usaha dakwah kelestarian alam sekitar. Jika semua cabaran dapat diatasi dan peluang-peluang dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya, kemungkinan besar dakwah kelestarian dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan mencapai sasarannya. Dalam hal ini, sasarannya adalah untuk membuka mata ahli masyarakat akan kepentingan melestarikan alam ini. Dalam masa yang sama, usaha dakwah ini juga diharapkan dapat meningkatkan penglibatan masyarakat Muslim. Dengan kata-kata lain, bukan sahaja masyarakat mempunyai kesedaran dan pengetahuan tetapi bersedia untuk melaksanakan usaha-usaha ke arah melestarikan alam ini. Pada akhirnya, ahli masyarakat sepatutnya disedarkan bahawa usaha ini bukan semata-mata bermatlamatkan duniawi tetapi lebih penting lagi ini merupakan satu jalan untuk manusia mendekatkan diri kepada Pencipta-Nya.

RUJUKAN

- Abdul Matin, I. (2010). *Green Deen: What Islam Teaches about Protecting the Planet*, Berrett Koehler Publishers: San Francisco, CA.
- Afiq Aziz. (2019, Oktober 18). Transport policy aims 40% of public transportation usage by 2030. *The Malaysian Reserve*, <https://themalaysianreserve.com/2019/10/18/transport-policy-aims-40-of-public-transportation-usage-by-2030/>.
- Al-Jayyousi, O.R. (2012). *Islam and Sustainable Development New Worldviews*, <https://islam-science.net/wp-content/uploads/2013/11/Islam-and-Sustainable-Development-CH1.pdf>.
- Asep Muhyiddin, H. (2010). *Dakwah Lingkungan Perspektif Al-Quran*. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 4 (15), 809-825. <https://doi.org/10.15575/idajhs.v5i15.423>.
- Azrina Sobian. (2012a). Involvement of Religious Leaders in Environmental Awareness and Conservation Activities in Malaysia: A Preliminary Review. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 5, 65-91.
- Azrina Sobian. (2012b, Sept. 7). Libatkan Agama Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar, Laman Web Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://www.ikim.gov.my/index.php/2012/09/07/libatkan-agama-dalam-pemuliharaan-alam-sekitar/>.
- Bensaid, B. (2013). On Islamic Da'wah and Sustainable Development. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3(2), 48-56. 10.5829/idosi.wjihc.2013.3.2.3201.
- Berita Harian*. (2021, Mac 14). Tingkat kesedaran, tanggungjawab pulihara alam sekitar. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/796037/tingkat-kesedaran-tanggungjawab-pulihara-alam-sekitar>.
- Bhagwat, S. A., Ormsby, A. dan Rutte, C. (2011). The role of Religion in Linking Conservation and Development: Challenges and Opportunities. *Journal for the Study of Religion, Nature and Culture*, 5.1, 39-60.
- Derr, T.S. (1975). Religion's Responsibility for the Ecological Crisis: An argument Run Amok. *Worldview Magazine*, 18 (1), 39-45.
- Goodland, R. (1995). The Concept of Environmental Sustainability. *Annual Review of Ecology and Systematics*, 26, 1-24. <http://www.jstor.org/stable/2097196>
- Hitzhusen, G.E. (2006). Religion and Environmental Education: Building on Common Ground. *Canadian Journal of Environmental Education*, 11, 9-25.

- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*. (2019, April 30). Program Marhaban Ya Ramadan: Ramadan Tanpa Pembaziran bersempena Ramadan 1440H. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2019/04/30/program-marhaban-ya-ramadan-ramadan-tanpa-pembaziran-bersempena-ramadan-1440h/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. (2021) Portal “Masjid Malaysia.” <http://masjid.islam.gov.my/index.php?data=c3RhdGlzdGlrLnBocA==> Jabatan Perangkaan Negara. (2021). *Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2021*. JPM: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Portal “Statistik SMKA dan SBKA.” <https://www.moe.gov.my/en/statistik-menu/statistik-bilangan-smka-dan-sabk-di-kementerian-pendidikan-malaysia>.
- Mangunjaya, F.M. (2011). Developing Environmental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching. *Journal of Islamic Studies*, 22 (1), 36-49. <https://doi.org/10.1093/jis/etq067>
- McCarthy, N. (2016, Mac 4). The Countries Winning the Recycling Rate. *Forbes*. <https://www.forbes.com/sites/niallmccarthy/2016/03/04/the-countries-winning-the-recycling-race-infographic/?sh=21822dd42b3d>.
- Morelli, J. (2011). Environmental Sustainability: A Definition for Environmental Professionals. *Journal of Environmental Sustainability*, 1 (1), Article 2. 10.14448/jes.01.0002.
- Noor Atiqah Sulaiman (2021, Dis. 17). Kadar Kitar Semula Meningkatkan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/900014/kadar-kitar-semula-meningkat>.
- Posas, P. J. (2007). Role of religion and ethics in Addressing Climate Change. *Ethics in Science and Environmental Politics*, Vol. 2007, hlm. 31-47.
- Pudin, S., Tagi, K. & Periasamy, A., (2003). Environmental education in Malaysia and Japan: A comparative assessment. <http://www.ceeindia.org/esf/download/paper20.pdf>.
- Rozita Ibrahim. (2002). Literasi alam sekitar menurut paradigma agama. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 3, 137-148.
- Saleh Hashim dan Amalin Abdullah. (2020). Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam berbanding Pendekatan Moden dalam Melestarikan Negara. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*. 10 (1), 79 – 95.
- Statista* (2021a, Nov. 5), Carbon dioxide emissions in 2010 and 2020, by select

- country (in million metric tons).
[https://www.statista.com/statistics/270499/co2-emissions-in selected-countries/](https://www.statista.com/statistics/270499/co2-emissions-in-selected-countries/)
Statista (2021b, Nov. 5), Per capita CO2 emissions worldwide in 2020, by country (in metric tons). [https://www.statista.com/statistics/270508/co2-emissions-per-capita-by country/](https://www.statista.com/statistics/270508/co2-emissions-per-capita-by-country/)
- Sutton, P. (2004). A Perspective on environmental sustainability? A paper for the Victorian Commissioner for Environmental Sustainability. <http://www.greeninnovations.asn.au/A-Perspective-on-Environmental-Sustainability.pdf>
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman dan Solahuddin Ismail. (2006). Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH) dlm. *National Student Development Conference (NASDEC)*, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zaini Ujang and Zulkifli Mohd Yusoff (2020). *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar*. ITBN: Kuala Lumpur.